

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**
[SEKIJANG]

TARIKH : **3 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN : **118**

PR-1422-L05078

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa *scammers* yang semakin menjadi-jadi terutamanya yang melibatkan penipuan melalui alam maya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan amnya tertakluk di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan urusan jual beli dalam talian adalah di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Cybersecurity Malaysia (CSM) sentiasa bekerjasama dengan pihak PDRM dan KPDNHEP bagi menangani isu berkaitan dengan penipuan dalam talian.

2. Sekiranya sesuatu kes dirujuk secara bertulis oleh mana-mana agensi penguatkuasaan, tindakan akan diambil oleh SKMM dengan menyekat talian telefon dan laman sesawang yang berkaitan. SKMM juga membantu siasatan dengan mengenal pasti suspek dengan menggunakan alamat *Internet Protocol*, dengan izin, dan bukti-bukti digital forensik yang ada.

3. Bagi menangani permasalahan penipuan, khususnya berkaitan penipuan panggilan, satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC yang dianggotai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dan SKMM telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan dalam usaha memerangi jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun.

4. Selain itu, pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

5. Pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian melalui program-program advokasi pengguna dan kempen-kempen kesedaran di seluruh negara. Taklimat berkaitan *scammer* telah dibuat untuk *key communicators* Kementerian iaitu di Putrajaya, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. SKMM telah menjalin kerjasama dengan Persatuan Bank Bank Malaysia (ABM) dan PDRM sejak tahun 2015 dalam kempen Klik Dengan Bijak (KDB) dengan mesej tentang Penipuan (*Scam*). Mesej advokasi ini dipromosikan melalui iklan akhbar, papan iklan, video dalam talian, iklan digital, serta hantaran media sosial melalui *key opinion leaders* (dengan izin). Mesej advokasi KDB juga dimasukkan dalam modul latihan SKMM untuk melatih Pengurus dan Penolong Pengurus daripada 871 Pusat Internet awam di seluruh negara.

6. Selain itu, CSM juga melaksanakan program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*) termasuklah Ceramah CyberSAFE, CyberSAFE Ambassador, Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan dan program *Safer Internet Day* setiap tahun sejak 2010. CSM turut memberi perkhidmatan bagi Pensijilan Malaysia *Trustmark* untuk sektor Swasta (*Malaysia Trustmark for Private Sector - MTPS*) dimana perkhidmatan ini menyediakan model pengauditan bagi organisasi yang sah di sisi undang-undang untuk mencapai status sebagai pengamal tingkah laku e-Dagang yang baik, berdasarkan skop yang ditentukan oleh *World Trustmark Alliance* (WTA).